

POLEMIK MANHAJ AKIDAH ANTARA ASHĀ^CIRAH DAN HANĀBILAH: SATU TINJAUAN

Mustafa Kamal Amat Misra, Kamal Azmi Abd Rahman, & Abd Hadi Awang
mustafakamal@kuis.edu.my, kamalazmi@kuis.edu.my, abdulhadi@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Sejarah perkembangan pemikiran Islam menyaksikan Mu^ctazilah mendominasi landskap pemikiran masyarakat Islam era Abbasiyah selain jumhur ulama' seperti ahli hadis. Namun keintelektualan tersebut kemudiannya dipelopori oleh Asya'irah setelah ahli hadis (sebahagian Hanabilah) dilihat tidak sesuai berperanan ketika itu kerana kerencaman perbahasan akidah yang memerlukan pengeploitasian akal semaksima mungkin di samping pengintegrasian ilmu kalam dan ilmu tauhid bagi menyaingi aliran lain seperti Syi'ah dan Khawarij (Azmil, 2012). Namun dalam sisi yang lain, dengan mempromosikan manhaj berteraskan al-Quran, hadis dan pandangan *salaf al-sālih*, sebahagian aliran Hanabilah ini dilihat meletakkan ilmu kalam sebagai suatu ilmu yang tidak sesuai untuk diintegrasikan bersama ilmu tauhid dan budaya ini menyemarakkan pemikiran antara kedua-dua aliran. Buktinya seperti dakwaan terhadap ilmu kalam yang dicemari dengan falsafah seperti kajian Abd Rashid b. Idris berkenaan pemikiran Ibn Taimiyyah terhadap ilmu kalam. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dengan memilih beberapa isu perbahasan dalam *Ilāhīyyāt* seperti sifāt Allah, Asmā' Allah dan Ayat Mutasyābihāt. Justeru, kertas kerja ini akan mengkaji polemik yang berlaku antara manhaj Ashā^cirah dan manhaj sebahagian Hanābilah dalam menterjemah isu *Ilāhīyyāt*.

Kata kunci: polemik manhaj akidah, manhaj Ashā^cirah, manhaj Hanābilah,

1.0 PENGENALAN

Perbezaan pemikiran yang berlaku di antara dua aliran akidah bertitik tolak daripada perbezaan dalam memahami ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran mahupun hadis. Ia tidak dilihat sebagai suatu isu baru memandangkan perbincangannya sudah mengakar semenjak kurun pertama hijrah. Terdapat sebahagian sejarawan menyatakan konflik pemikiran tersebut berlaku antara Asha^cirah dan *Ahl al-Hadis* dan ada sebahagian yang lain mengatakan konflik antara Asha^cirah dan Golongan *Musyabbihah al-Mujassimah* begitu juga dengan Hanabilah.

Dalam konteks isu perbahasan, ia dilihat sebagai suatu perkara yang senantiasa menjadi perdebatan sehingga hari ini. Bahkan sebelum ini ia telah melalui siri perbincangan sehingga melewati usul permasalahan antara dua kumpulan tersebut berdasarkan perspektif sejarah yang dilihat bermula dari kurun ketiga (Asha^cirah) sehingga muncul Syeikh Ibn Taimiyah al-Harani (728h). Pemilihan limitasi kajian sehingga kemunculan Syeikh Ibn Taimiyah al-Harani jua dilihat sesuai untuk pengkelasan dan penjenamaan Hanabilah. Ini kerana, era sebelumnya dokongan aliran lebih tepat disebut sebagai *ahl al-hadis*. Seterusnya kerencaman pemikiran kalam berubah dengan kemunculan peranan Abu Hasan al-Ash^cari yang berhijrah dari ideologi mu^ctazilah kepada ideologi yang selamat yang kemudiannya dikenali sebagai manhaj al-Ash^cari sebelum dipopularkan dengan jenama sunnah wa al-Jama^cah. Ini adalah gambaran penting tentang perbezaan pegangan dan percampuran pemikiran akidah yang berlaku pada kurun tersebut.

Manhaj berasal dari perkataan ‘Arab dengan perkataan dasarnya *nahaja* yang membawa maksud jalan yang jelas dan nyata. Perkataan manhaj juga sama dengan perkataan *minhaj* yang juga bermaksud jalan yang jelas (al-Ifriqi, t.t: 383). Menurut Ibn Kathīr (1986: 66-67), manhaj bermaksud sunnah. Contoh penggunaan perkataan manhaj dalam al-Qur’an seperti pada surah al-Maidah ayat 48 yang bermaksud, *bagi tiap-dap*

umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) sesuatu syariat dan jalan agama yang wajib diikuti oleh masing-masing.

Dalam bahasa Inggeris, manhaj diertikan sebagai *methodology* yang berasal dari gabungan dua perkataan Yunani iaitu *methodos* yang bererti cara, manakala *logos* yang bererti ilmu. Gabungan dua perkataan tersebut menjadi ‘methodologi’ yang bermaksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian (Koentjaraningrat, 1977: 16). Dalam bahasa Inggeris, *methodology* adalah *tech the set of method used for study or action in particular subject, as in science or education* (Longman Dictionary Of Contemporary English, 1981: 681).

Dari pengertian bahasa di atas dapat disimpulkan bahawa definisi manhaj sebagai suatu kaedah jelas yang digariskan untuk diikuti dalam melakukan sesuatu kerja agar sampai kepada matlamat. Manakala dalam bahasa Melayu, kedua-dua istilah, iaitu manhaj dan metode diguna pakai. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan manhaj bermaksud kaedah atau cara dan metode bermaksud cara melakukan sesuatu atau sistem (Noresah Baharom, 2007). Daripada definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa manhaj atau metode bermaksud satu keadah atau cara yang digunakan untuk sampai kepada tujuan dan matlamat tertentu. Oleh itu, ia merupakan suatu perkara yang amat penting kerana sampai atau tidak kepada matlamat atau tujuan sesuatu itu bergantung kepada kaedah dan caranya.

2.0 PERKEMBANGAN MANHAJ AKIDAH: ANALISIS PERTEMBUNGAN AHL AL-HADIS DAN MU^CTAZILAH SERTA KEMUNCULAN ASHA^CIRAH

Umat Islam merentasi dimensi kurun dan siri khilafah yang menjadi kayu ukur kepada kajian sejarah perkembangan tamadun pemikiran. Bermula kurun kedua hijrah yang menyaksikan kepesatan pengajian dan pembinaan manhaj *fiqh al-Islam* yang dipandu oleh ulama'-ulama' fiqh seperti Imām Abū Hanīfah, Imām Mālik, Imām Syāfi^ce dan Imām Ahmad bin Hanbal. Kurun ketiga hijrah pula memperlihatkan kepesatan ilmu

hadis yang dipandu oleh ulama' bermanhaj ahli hadis seperti Sufiyan al-Thauri dan Imam Ahmad bin Hanbal. Berlatarbelakangkan pemerintahan Abbasiyah yang meraikan manhaj aliran mu^ctazilah berbanding manhaj aliran-aliran lain, kerencaman pemikiran antara ahli hadis dan Mu^ctazilah meruncing sehingga teretus fitnah terhadap pendokong manhaj ahli hadis seperti pemenjaraan Imam Ahmad bin Hanbal. Dalam konteks *ahl al-hadis* dan hanabilah, Imam Ahmad bin Hanbal terus menjadi *figur* dalam kalangan pengikutnya dan ini membentuk manhaj khas yang berpaksikan pegangan ahli hadis dan dinisbahkan kepada beliau dengan nama hanabilah. Namun ketika itu, golongan ini dilihat kurang keterampilan kerana keterbatasan metode dalam menggarap permasalahan semasa dan menyebabkan mu^ctazilah terus mendominasi pemikiran umat Islam di samping gagal beradaptasi dengan peredaran zaman

Sejarah merakamkan tekanan yang dikenakan oleh pihak kerajaan (Abbasiyyah-aliran mu^ctazilah) terhadap orang Islam yang mendokongi aliran lain dan dalam permasalahan utama ketika itu iaitu al-Qur'an adalah makhluk (*khalq al-Qur'an*). Tekanan ini berlarutan melalui tiga fasa pemerintahan pemerintah Abasiyyah yang berfahaman mu^ctazilah iaitu al-Ma^cmun (wafat 218 hijrah), al-Mu^ctasim (wafat 227 hijrah) dan al-Wathiq (wafat 232 hijrah).

Perkembangan pengaruh mu^ctazilah didorongi oleh khalifah Daulah Abbasiyyah iaitu al-Ma^cmun (wafat 198 hijrah) dan al-Mu^ctasim Billah (wafat 218 hijrah) yang mewajibkan penerimaan doktrin mu^ctazilah oleh seluruh rakyatnya. Namun pada era al-Mutawakkil (wafat 232 hijrah), mu^ctazilah mula melalui fasa kejatuhannya. Ahli politik, ulama' dan intelektual dari kalangan mereka dipecat malahan dilarang dari menyebarkan ilmu kerana dibimbangi doktrin mu^ctazilah akan terus disebar.

Pada era khalifah al-Mu^ctadid Billah (wafat 279 hijrah), kejatuhan kegemilangan pengaruh mu^ctazilah makin jelas apabila beliau bertindak lebih radikal dengan mengusir golongan mu^ctazilah dari kota Baghdad. Tidak hanya dengan mengusir, sikap bencinya terhadap golongan mu^ctazilah lebih ketara hingga menganggap doktrin mu^ctazilah adalah

bid'ah. Berpegang pada doktrin Jabariyah, beliau berjaya memusnahkan buku-buku yang menjadi nadi golongan mu'tazilah, malahan pengarangnya juga dibunuh (Hamzah Harun: 2009).

Mihnah bagi pengaruh mu'tazilah ini dilihat menerusi dua sudut iaitu luaran dan dalaman. Sudut luaran adalah tindakan al-Mutawakkil (wafat 247 hijrah) yang berfahaman Asha'irah dalam merencat ideologi mu'tazilah daripada terus mendominasi dunia Islam. Kelicikan strategi yang diatur al-Mutawakkil untuk melumpuhkan pengaruh mu'tazilah dari segi politik dapat dilihat dengan tindakannya yang mengeluarkan penjawat awam dari jabatan dan institusi kerajaan bahkan kelompok rasionalis juga disingkir keluar dari Baghdad. Dari sudut pendidikan pula, Institusi pengajian tinggi yang mengajar doktrin mu'tazilah diarah tutup. Hanya jurusan tertentu sahaja yang dibenar untuk dibuka seperti kesusasteraan, sains dan falsalah. Manakala ulama' fiqh mula mendapat tempat dan dilantik menjawat di pelbagai posisi dalam pemerintahan dan pentadbiran (Wan Zailan, 1997: 84-106).

Pengkaji berpendapat, tindakan al-Mutawakkil ini adalah suatu tindakan yang sukar diambil bagi seseorang ketua Negara kerana orang Islam yang berfahaman mu'tazilah ketika itu boleh digambarkan dengan individu-individu yang berautoriti dan berpotensi membawa Negara kepada kemajuan. Sejarah mendapati ketika al-Mutawakkil menaiki takhta, hampir kesemua orang Islam yang terlibat dalam sektor kerajaan seperti pemerintahan, pentadbiran, pendidikan, pusat perubatan dan perdagangan berfahaman Muktaazilah. Ini menunjukkan kebanyakan golongan terpelajar, intelek dan kenamaan dalam masyarakat ketika itu lebih memilih konsep pemikiran mu'tazilah berbanding aliran lain.

Selepas aliran Muktaazilah melalui *mihnah* (luaran) pada era al-Mutawakkil, *mihnah* dari sudut dalaman pula dilihat pada era pemerintah berikutnya iaitu al-Mu'tadid Billah (wafat 279 hijrah) apabila pertembungan ideologi berlaku sesama pendokong aliran Muktaazilah iaitu antara Abu Hasan al-Ash'ari (al-Ash'ari) dan Abu Ali al-Jubba'i

(al-Jubba'i) hingga menyebabkan al-Ash'ari mengambil keputusan untuk meninggalkan jama'ah serta doktrin mu'tazilahnya di samping menyusun metodologinya tersendiri untuk membuktikan kesilapan doktrin mu'tazilah (Wan Zailan, 1997: 84-106). Ini menunjukkan secara tidak langsungnya dua *mihnah* yang dilalui oleh mu'tazilah tersebut membantu kepada kemunculan Asha'irah.

Mudahnya, keberadaan mu'tazilah dalam pentas kerencaman pemikiran akidah menjadi penanda aras perubahan landskap pemikiran umat Islam kepada pemikiran yang dibawa Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan dikemas kini tokoh-tokoh selepasnya seperti al-Baghdadi dan al-Baqillani yang kemudiannya digelar dengan gelarang Asha'irah. Abu Hasan al-Ash'ari mengambil langkah *wasatiyah* memurni aliran logikal mu'tazilah dan konsdtektual Hanabilah hingga melahirkan satu corak pemikiran sederhana di samping metodologi tersendiri dengan keselarian antara akal, al-Qur'an dan hadith.

3.0 PERKEMBANGAN ASHA'IRAH DAN PENJENAMAAN AHLI SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Fasa pertama pertumbuhan aliran Asha'irah boleh ditelusuri bermula era pemerintahan al-Mu'tadid Billah menjadi khalifah, pihak yang sefahaman dengan al-Ash'ari mula mendapat kemenangan tempat dalam kalangan masyarakat. Tindakan al-Ash'ari meninggalkan mu'tazilah mendapat sokongan dari para ulama' fiqh, tokoh ilmu kalam dan masyarakat ketika itu. Bahkan nama dan ketokohan beliau mula menjadi sebutan selain mendapat sanjungan dan sokongan dari pihak pemerintah (Wan Zailan, 1997: 84-106).

Fasa kedua faktor perkembangan aliran al-Asha'irah memperlihatkan penerimaan konsep pemikiran al-Ash'ari oleh masyarakat dengan mudah. Ini kerana dalam banyak sudut perbincangan permasalahan, metodologi yang digunakan oleh al-Ash'ari lebih mudah difahami oleh masyarakat awam berbanding metodologi mu'tazilah yang sering menimbulkan corak perbincangan berbaur falsafah dan sesetengah permasalahan yang

lain (Harun Nasution: 66) bahkan ideologi mu^ctazilah dilihat hampir kepada konsep pemikiran Syiah (Wan Zailan, 1997: 84-106).

Fasa ketiga menunjukkan peranan kebangkitan golongan Turki Saljuq yang berkuasa di Iran dan Baghdad serta penerimaan mereka terhadap kekuasaan Abbasiyyah turut menjadi faktor kepada perkembangan dan penyebaran aliran al-Ash^cirah (Wan Zailan, 1997: 84-106). Selama 250 tahun, gelombang pemikiran Islam mengalami perubahan besar dengan menyaksikan perjuangan untuk menempati hati Muslimin dan menyebarkan fahaman masing-masing antara aliran rasionalisme (mu^ctazilah) dengan aliran ortodoks (Sunni) hinggalah al-Ash^cari mendirikan mazhab kalamnya sendiri. Menurut Ibn `Asakir, al-Ash^cari merupakan tokoh ilmu kalam yang pertama (*mutakallim bi-lisan*) yang berhujah dengan aliran mu^ctazilah dan rasionalis (Syed Ameer Ali: 444).

3.1 Penjenamaan Ahli Sunnah Wa al-Jama^cah

Kemunculan Ahli Sunnah wa al-Jama^cah tidak dapat ditentukan secara tepat. Begitu juga dengan tokoh yang mula-mula memperkenalkan Ahli Sunnah wa al-Jama^cah (Abdul Shukor, 1998:14). Walaupun peringkat awalnya, penggunaan istilah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama^cah bukanlah suatu yang rasmi atau fenomena. Buktinya Ia tidak dikenali walaupun pada era pemerintahan Bani Umaiyyah dan awal zaman Bani `Abbasiyyah. Namun menurut al-Syahrastani, istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama^cah hanya timbul setelah berlaku gelombang pemikiran kalam apabila Abu al Hasan al-Ash^cari memperhangatkan perbahasan isu-isu kalam setelah masyarakat Islam terlena dengan pemikiran Mu^ctazilah pada era pemerintahan al-Ma^cmun dan al-Mu^ctasim. Ketika itu, jenama aliran yang lebih dikenali adalah *al-Sifatiyyah* iaitu aliran yang menetapkan sifat-sifat azali bagi Allah dan beransur berubah kepada al-Ash^cariyyah saban era (al-Syahrastani: 93). Penjenamaan awal berkaitan Ahli Sunnah Wa al-Jama^cah hanyalah al-Sunnah sahaja seperti dalam sebutan al-Ash^cari (320) menerusi karyanya *al-Maqālāt al-Islāmiyyīn* apabila membicarakan pendapat-pendapatnya berkenaan akidah. Contohnya al-Ash^cari menyebutkan:

‘Ini adalah sebahagian daripada pendapat (qaul) *Ashab al-Hadith* dan *Ahl al-Sunnah*’. Begitu juga penamaan al-Sunnah dalam karyanya kitab *al-Ibanah ‘An al-Usūl al-Diyānah*: ‘Ini adalah pendapat (qaul) *Ahl Haq wa al-Sunnah*

Namun penjelasan mengenai Ahl Sunnah tetap menjadi tajuk kajian. Ia difahami sebagai golongan yang meliputi tiga kumpulan iaitu *Ahl al-Hadis*, kumpulan yang mendasari dalil-dalil *al-sam‘iyah* iaitu al-Qur’an, al-Sunnah dan *al-Ijma‘*. Kedua ialah *ahl al-Nazar* (logik) seperti al-Ash‘ariah, aliran Hanafi, Imam Abu Hasan al-Ash‘ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Mereka bersepakat dalam menerima prinsip logik (akliah) pada setiap perbahasan yang berdiri di atas kaedah *al-Sam‘*.

Aliran ketiga bagi al-Subki adalah ahli *al-Wujdan* dan *al-Kasyaf* iaitu golongan sufi. Prinsip golongan ini seiring dengan prinsip *ahli al-Nazr* dan *al-Hadis* pada permulaan dan *kasyaf* dan *ilham* pada pengakhiran. Menurut al-‘Allamah al-Syeikh Muhammad al-Isfarāyīnī al-Hanbalī dalam karya *Lawāmi‘ al-Anwār al-Bahiah*, Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah merujuk kepada tiga kumpulan. Pertama *al-Athariyah* mendokong pemikiran Imam Ahmad bin Hanbal, al-Ash‘ariah mendokong pemikiran Abu Hasan al-Asy‘ari dan al-Maturidiyah yang membawa pemikiran Abu Mansur al-Maturidi-al). (✓✓Isfarayini:

Al-‘Allamah ‘Abd al-Baqi al-Mawahibi al-Hanbali menyatakan dalam *al-‘Ain wa al-Athar Fi ‘Aqa’id Ahl al-Athar*, aliran-aliran yang tercakup dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah ialah Asha’irah, Hanabilah dan Maturidiah.

Al-‘Allamah ‘Abd Allah bin Audah Sufian al-Qudumi al-Hanbali dalam karyanya *al-Manhaj al-Ahmad fi Dar’I al-Mathalib al-Lati Tanmi Li Mazhab al-Imam Ahmad* menyatakan: Umat Islam terbentuk kepada 73 kumpulan, menurut sebahagian Ahl al-‘Ilm, mereka bermaksud *al-Najiah* Ahl al-Hadis yang dinamakan juga dengan Ahl al-Athar yang mendokong pemikiran Imam Ahmad bin Hanbal, al-Asy‘ariah dan al-Maturidiah.

Tuntasnya, walaupun begitu, kedua-dua kenyataan tersebut tidak tertera perkataan al-Jama^h. Namun tokoh selepasnya mula menggunakan istilah al-Jama^h selepas perkataan al-Sunnah seperti al-Baghdadi (304) dalam *al-Farq Baina al-Firāq* dan al-Syahrastani dalam *Milal Wa Nihal* (11). Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama^h pada awalnya diberikan kepada aliran al-Asha^{irah} namun telah diperluaskan sehingga merangkumi mazhab fiqh dan lapangan-lapangan ilmu Islam yang lain. Justeru, dari sudut konsep pemikiran dan amalan Ahli Sunnah Wa al-Jama^h, ianya telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun, dari sudut penjenamaannya, ia dilihat mula diperkenalkan sekitar perkembangan metodologi al-Asha^{irah}.

3.2 Ashā^{irah}

Aliran al-Asha^{irah} merupakan satu aliran dalam mazhab akidah Islam iaitu Ahli Sunnah Wa al-Jama^h. Sejarah perkembangan pemikiran Islam menyaksikan penerimaan aliran Asha^{irah} oleh masyarakat Islam dunia dulu hingga kini. Di samping mempunyai pendirian yang teguh, ulama' aliran ini juga mempunyai metodologi yang tersusun dalam menentang semua fahaman akidah yang bercelaru dan terpengaruh dengan unsur-unsur pemikiran yang mengelirukan.

Istilah Asha^{irah} umumnya merujuk kepada golongan yang menggunakan metode pendalilan asalnya diasaskan oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash^{ari} dan dikemaskini saban era hingga era Imam Sanusi. Namun menurut al-Zuhayli (2009), penggunaan istilah al-Asha^{irah} adalah bersifat menyeluruh dalam pengamalan al-Asha^{irah} dan al-Maturidiyyah (Muhammad, 2009).

Al-Asha^{irah} merupakan aliran akidah (ilmu Kalam) yang mendominasi gaya fikir mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jama^h. Bahkan penjenamaan Sunnah Wa al-Jama^h dipromosikan oleh tokoh daripada aliran al-Asha^{irah} iaitu al-Baqillani. Aliran ini

muncul dengan pembaharuan yang diusahakan oleh Abu al-Hasan al-Ash^cari dengan bertindak mengundur diri daripada tradisi keilmuan Muktazilah yang ketika itu dipimpin oleh Abu Ali al-Jubba'i. Fenomena kemunculan dan perkembangan ideologi al-Asha^cirah turut dibantu dengan kemunculan ideologi al-Maturidiyah, suatu gelombang ideologi yang mempertahankan metodologi klasik dengan hujah akal, fiqh dan ahli hadith yang dirintis oleh Abu Mansur Muhammad Ibn Muhammad Ibn Mahmud al-Maturidi (wafat 333 hijrah) yang berpusat di Samarkand dan kawasan berdekatan dengan sungai di Khurasan. Perkembangan kedua-dua aliran ini dilihat saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain dan beransur-ansur menjadi aliran yang dominan di tanah Arab dalam kekuasaan Bani `Abbasiyyah (khususnya selepas zaman al-Mutawakkil). Kemudiannya, kedua-dua aliran ini sebenarnya mewakili umat Islam dalam merungkai permasalahan yang timbul berkaitan dengan iman dan akidah serta tasawwur Islam dalam skop yang berkaitan dengan kemanusiaan dan kehidupan. Justeru, ia menyelusuri zaman tanpa tergelincir daripada skop kebudayaan yang dibawa oleh al-Qur'an dan hadith serta mengikuti apa yang diamalkan oleh zaman para sahabat dan salaf. Menurut al-Zuhayli (2009), sebenarnya inilah aliran yang dipegang oleh majoriti umat Islam masa kini.

Dari segi fiqh pula, umumnya pendokong aliran al-Asha^cirah bermazhab fiqh al-Syafi^ci kerana al-Ash^cari selaku pengasasnya juga bermazhab al-Syafi^ci manakala pendokong aliran al-Maturidiyah adalah bermazhab Hanafi (Ahmad Mahmud Subhi: 187).

Tokoh-tokoh awal (ketiga hijrah) yang merupakan tokoh yang pernah hidup dan belajar secara langsung dengan Abu al-Hasan al-Ash^cari seperti al-Baqillani (Abu Bakr Muhammad al-Tayyib, wafat 403 hijrah). Kurun keempat pula seperti Ibn Furak (Abu Bakr Muhammad Ibn al-Hasan, wafat 406 hijrah) al-Isfarayini (Abu Ishaq Ibrahim Ibn Muhammad, wafat 418 hijrah). Era kurun kelima hijrah pula seperti al-Baghdadi (Abd al-Qahir Ibn Tahir, wafat 429 hijrah), al-Qusyairi (Abu al-Qasim, wafat 460 hijrah), al-Juwayni (Imam al-Haramayn Abu al-Ma^cali 'Abd al-Malik Ibn 'Abd Allah, wafat 478 hijrah) dan al-Ghazali (Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad, wafat 505 hijrah).

Tokoh-tokoh yang masyhur pada kurun keenam seperti Ibn Tumart (Muhammad Ibn Tumart, wafat 525 hijrah), Ibn al-‘Arabi (Abu Bakr Muhammad Ibn ‘Abd Allah, wafat 543 hijrah), al-Shahrastani (Abu al-Fath Muhammad Ibn ‘Abd al-Karim, wafat 548 hijrah) dan Fakhr al-Din al-Razi (Abu ‘Abd-Allah Muhammad bin ‘Umar, wafat 606 hijrah). Kurun ketujuh pula seperti al-Amidi (Saif al-Din al-Amidi, wafat 631 hijrah), al-‘Iz Ibn Abd al-Salam, wafat 660 hijrah dan al-Baidhawi, wafat 685 hijrah). Kurun kelapan pula seperti al-Subki (Taqi al-Din, wafat 756 hijrah), al-Ijji (‘Adud al-Din al-Shirazi, wafat 756 hijrah), al-Jurjani (Abu Bakr ‘Abd al-Qahir bin ‘Abd al-Rahman, wafat 816) dan al-Sanusi (Abu ‘Abd-Allah Muhammad bin Yusuf bin ‘Umar bin Syu‘aib, wafat 895). (Ali ‘Abd al-Fattah, 1995).

a) Metode *Tafwidh* dan Takwil Sebagai Manhaj Memahami Akidah

Asha‘irah dilihat mengenakan metode *tafwidh* dan takwil dalam menyusun disiplin ilmu akidah. Imam Taj al-Din al-Subki menyatakan al-Asha‘irah mesra dengan kedua-dua metode iaitu *Tafwid* dan *Takwil* diakui dan dipraktikkan oleh tokoh-tokoh Asha‘irah. Bahkan, beliau setuju mengatakan aliran Asha‘irah adalah mazhab *Ahl al-Hadis* klasik dan semasa.

Al-Hafiz Ibn ‘Asakir (wafat 571h) (1399h: 388) pada karyanya *Tabyin Kazb al-Muftari Fi Ma Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy’ari* menyatakan:

فإنهم بحمد الله ليسوا معتزلة ولا نفاة لصفات الله معطلة، لكنهم يثبتون له سبحانه ما أثبتته لنفسه من الصفات ويصفونه بما تصف به في محكم الآيات وبما وصفه به نبيه صلى الله عليه وسلم في صحيح الروايات، وينزهونه عن سمات النقص والافات، فإذا وجدوا من يقول بالتجسيم أو التكييف من المجسمة والمشبّهة ولقوا من يصفه بصفات المحدثات من القائلين بالحدود والجهة، فحينئذ يسلكون طريق التأويل ويثبتون تنزيهه بأوضح الدليل، ويبالغون في إثبات التقديس له والتنزيه خوفاً من وقوع من لا يعلم في ظلم التشبيه. فإذا آمنوا من ذلك رأوا أن السكوت أسلم وترك الخوض في التأويل إلا عند الحاجة أحزم. اهـ

Bukti lain yang menunjukkan aliran Asha‘irah mengambil metode *tafwidh* sebagai manhajnya seperti pengakuan Burhan al-Din Ibrahim al-Laqqani al-Maliki (wafat 1041h) pengarang kitab *Jauharah al-Tauhid* yang merumuskan pada syairnya iaitu:

أَوْلَاهُ أَوْ فَوَّضَ وَرُمَ تَنْزِيهَا وَكُلُّ نَصٍّ أَوْ هَمَّ التَّشْبِيهَا

Takwil pula secara etimologinya seperti pandangan Shihab dalam *Tafsir al-Mishbah* berasal daripada perkataan 'āla, ya'ūlu, aulan (ال-يأول-اولا) yang bermaksud kembali, atau dengan penjelasan lain iaitu tindakan mengembalikan sesuatu kepada penyebab awalnya (Shihab: 353). Namun, Shihab turut menampilkan pengertian lain seperti pada *Kaedah Tafsir* berkaitan takwil iaitu perkataannya juga diambil daripada perkataan *ma'al* yang bererti kesudahan iaitu suatu makna yang ketika difahami menjadikannya berbeza daripada perkataan asalnya (Shihab: 219). Pemaknaan secara terminologinya pula membawa maksud mengembalikan makna teks atau makna *harfiahnya* suatu makna yang dikenal secara umum selain dipahami dengan mengungkap makna yang tersembunyi (Shihab: 220). Mudah-mudahan, takwil adalah mengalihkan makna suatu perkataan daripada pemaknaannya yang literal kepada suatu makna lain diiringi disiplin ilmu dan *illah* yang kuat serta boleh mengalihkannya. Pun begitu, takwil yang tercela pula difahami terhasil daripada pengalihan makna dengan iringan disiplin ilmu yang lemah (Shihab, 2017: 60).

Pandangan yang ditampilkan oleh Shihab disokong dengan kutipan pendapat al-Jurjani dalam karyanya *al-Ta'rifāt* iaitu takwil difahami sebagai memalingkan kandungan ayat daripada makna zahir (literal) kepada makna lain yang dimungkinkan, selagimana kandungan makna tersebut seiring dengan al-Quran dan hadis. Seperti contoh dalam memahami ayat يخرج الحي من الميت (mengeluarkan kehidupan dari yang mati), tetapi, menerusi takwil, ia boleh juga dipahami dengan dengan makna mengeluarkan seorang Mukmin dari kekafiran atau mengeluarkan yang pandai dari kejahilan.

Al-Raghib al-Isfahani dalam kitab *Mufrād al-Fāz Al-Qur'ān* berpendapat bahawa tafsir lebih umum berbanding takwil. Ini kerana tafsir lebih kerap digunakan dalam terjemahan setiap perkataan. Ia tidak saja digunakan dalam al-Qur'an, malahan juga dalam terjemahan hadis mahupun kitab-kitab pengajian. Namun dalam konteks takwil pula, ia diaplikasi untuk pemaknaan sesuatu perkataan dan kerap teraplikasi pada

perkataan-perkataan tertentu dalam al-Qur'an semasa proses penafsiran. Boleh disimpulkan, dalam konteks al-Qur'an, tafsir dan takwil diaplikasi sebagai alat atau cara untuk memahami sesuatu perkataan dan amanah Allah. Ini terjadi apabila terdapat sebahagian ahli tafsir yang menganggap keduanya adalah konsep yang sama.

Perbezaan sudut pandang terhadap pemaknaan secara khusus dan umum sesuatu ayat menjadikan ahli tafsir cenderung mentakwil sesuatu perkataan semasa proses penafsiran ayat tersebut. Ini melangsungkan perbezaan kemudiannya dalam menilai kepelbagaian masalah agama. Fenomena ini tampaknya berlaku ketika dalam penafsiran ayat-ayat *mutasyābihāt* dengan sebahagian ulama' cenderung untuk tidak mentakwil dan membahaskan serta lebih mendahulukan ucapan '*Allah A'lam bi muraādih*' (Allah lebih mengetahui maksudnya)(salaf dan ahli hadis). Namun, penafsiran tersebut kemudian dianggap oleh sebahagian ulama' tidak lengkap dan akhirnya setuju dengan penggunaan takwil sebagai metode untuk memahami ayat al-Qur'an.

Dalam proses takwil, terdapat beberapa syarat yang diletakkan ulama' ketika menggunakan metode takwil dalam memahami teks-teks ayat al-Qur'an seperti:

- 1) Memahami nas dengan makna syariatnya
- 2) Memahami *maqāsid al-shārī'ah* (tujuan utama sesuatu tindakan syari'ah) yang dikandung dalam teks ayat
- 3) Memahami konteks dan kondisi realiti yang dibicarakan oleh teks ayat
- 4) Memiliki kemahiran dalam banyak lapangan dan disiplin ilmu.

3.3 Hanābilah

Hanabilah adalah orang atau tokoh yang menyelusuri dan mendokongi hasil ijtihad Imam Ahmad ibn Hanbal sama ada dalam perbahasan isu-isu fiqh mahupun akidah. Manakala Hanbali merujuk kepada diri Imam Ahmad sendiri.

Nama lengkapnya adalah Ahmad ibn Muhammad ibn Hanbal ibn Hilal ibn Asad ibn Idris ibn ‘Abdillah’ ibn ibn Hayyan ibn Abdillah ibn Anas ibn ‘Auf ibn Qasit ibn Mukhazin ibn Syaiban ibn Zahl ibn Sa’labah ibn ‘Ukabah ibn Sa’b ibn ‘Ali ibn Bakr ibn Wa’il ibn Qasit ibn Hanb ibn Aqsa ibn Du’ma ibn Jadilah ibn Asad ibn Rabi’ah ibn Nizar ibn Ma’ad ibn ‘Adnan ibn ‘Udban ibn al-Hamaisa’ ibn Haml ibn an-Nabt ibn Qaizar ibn Isma’il ibn Ibrahim asy-Syaibani al-Marwazi. Beliau lahir di Baghdad pada era pentadbiran al-Mahdi dalam pemerintahan ‘Abbasiyyah pada bulan Rabi’ al-Awwal tahun 164 H bertepatan dengan tahun 780 M.

a) Metode *Ithbat* Sebagai Manhaj Mendisiplini Perbahasan Akidah Hanabilah

Ahl al-Hadis umumnya mengambil pendekatan *ithbat* dalam menterjemah *al-Sifat* di samping menafikan metode *takwil* dan *tasybih* bahkan sebahagiannya dilihat berlebihan (*ghuluw*). Ini dibuktikan dengan pandangan Ibn Taimiyyah (wafat 728h) yang secara jelas mengithbatkannya dan menolak pandangan golongan yang berpendirian *tafwid* dan menisbarkannya sebagai *ahl al-Tajhil*.

Dr Muhammad ‘Iyashy al-Kubisi dalam kitabnya *al-Sifat al-Khabariyah ‘Inda ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* mengatakan salaf adalah golongan yang mengithbat, *tafwid* dan *ta’wil*. Justeru, metode *isthbat*, *tafwid* dan *ta’wil* secara pastinya diamalkan oleh ulama salaf tanpa *ghuluw*.

Pun begitu, pengistilahan *ithbat* turut mengundang kebingungan dalam perbahasan. Ini kerana, jika ia membawa maksud menetapkan (*ithbat*) sifat yang sesuai bagi Allah di samping menyerahkan (*tafwidh*) maknanya kepada Allah, ia adalah tindakan yang sah. Namun apabila ia membawa maksud menetapkan (*ithbat*) sifat bagi Allah pada nasnya serta maknanya tanpa ditafwidkan (diserahkan pada Allah), ia dilihat bertentangan dengan asas manhaj akidah salaf era salaf al-soleh (Nur Hidayat, 2018: 12).

Penelitian terhadap titik temu perbezaan apa yang dilontarkan oleh al-Asha'irah dan *ahl al-Hadis* adalah, dalil bagi metode *tafwid* mahupun *ta'wil* adalah *mutasyabihat* manakala Hanabilah melihatnya sebagai muhkamat iaitu *ithbat zahir lafaz* dengan makna bersama *tafwid al-Kaif*.

Mudahnya, Asha'irah dan Jumhur ulama ahl al-Sunnah menyebut *sifat al-khabariyah* sebagai *mutasyabihat* iaitu sesuatu yang tidak diketahui maknanya oleh manusia, namun sebaliknya dengan *ahl al-Hadis* yang berpandangan *sifat khabariyah* sebagai *muhkamat* yang dimaklumi oleh manusia. Hanya *kaiifahnya* sahaja yang tidak dimaklumi.

4.0 KESIMPULAN

Jumhur Ulama' Ahl al-Sunnah telah bersepakat bahawa perbincangan asal tentang tentang permasalahan Sifat Allah di sisi ulama' salaf mula dibincangkan seawal kurun ketiga. Era tersebut, rata-rata ulama' meng*ithbat*kannya berdasarkan zahir nas tanpa terkait dengan paham menyeleweng, *ta'til*, *tasybih* serta *takyif* (persoalan bagaimana) di samping pentanzihanNya (penyucian) dengan segala sifat kesempurnaan. Namun paham sebaliknya turut muncul pada sesetengah persoalan dalam kalangan mutakallimin seperti persoalan *qiyas al-Ghaib 'Ala al-Syahid*. Perbezaan dan konflik yang berlaku antara kedua-duanya telah mendorong salah satu aliran tersebut mengiktiraf alirannya sahaja sebagai pengikut mazhab salaf.

RUJUKAN

- _____. t.th. *Lawāmic al-Anwār al-Bahyah Li ‘Allāmah al-Syeikh Muhammad al-Safārīnī an-Hanbalī*. Jil 1
- Abdul Wahab Khallaf. 2005. *Ilmu Usul Fiqh*. Terj. Hallmudin. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Al-Afrīqī, Ibn Manzūr. T.t. *Lisan al-'Arāb*. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Kathīr. 1986. *Tafsir Ibn Kathīr*. Vol. 2. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Qayyim al-Jauziyah. 1991. *ʻIlam al-Muwaqqiʻin*. Juz 1. Dar al-Kutub al-ʻIlmiyah.
- Jarisyah. 1986. *Manāhij al-Daʻwah Wa Asālibuh*. Mesir: Dar al-Wafāʻ.
- Koentjaraningrat, 1977. *Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T. Gramedia
- Longman Dictionary Of Contemporary English. 1981
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nur Hidayat Muhammad. 2018. *ʻAqidah al-Salaf*. Johor: ARG Training & Consultancy

Wan Zailan Kamaruddin, 1997 *Aliran al-Ash'ari dan al-Asha'irah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya dalam Dunia Islam khususnya di Alam Melayu, Persatuan Sejarah Malaysia*